

14 AUG 2000

Mahkamah-Anwar/I

MAHKAMAH AKAN DENGAR RAYUAN SAMAN MALU ANWAR ESOK

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Rayuan akan mendengar rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membatalkan saman malunya berjumlah RM100 juta terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Panel tiga hakim yang diketuai Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, Datuk Mokhtar Sidin dan Denis Ong Siew Fook menetapkan tarikh itu selepas membenarkan permohonan peguam M. Manoharan yang mewakili peguam Anwar, Karpal Singh bagi rayuan itu didengar esok.

Rayuan itu didengar untuk sebutan hari ini.

Pada 30 Ogos tahun lepas, Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr. R.K. Nathan membatalkan saman itu dengan kos atas alasan bahawa saman itu adalah bersifat suka-suka dan menyakitkan hati dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Nathan telah berkata bahawa Dr Mahathir bertanggungjawab untuk memberitahu orang ramai mengenai pemecatan Anwar sebagai timbalan perdana menteri serta timbalan presiden Umno.

Anwar memfailkan saman pada 25 Jan tahun lepas, mendakwa bahawa Perdana Menteri telah bercakap bohong dan berniat jahat semasa bercakap dengan wartawan tempatan dan asing pada sidang beritanya yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri mendakwa dia (Anwar) telah melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

Bekas timbalan perdana menteri itu mendakwa bahawa Dr Mahathir mengucapkan perkataan itu dengan mengetahui bahawa ia akan disiarkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Dalam kenyataan pembelaan yang difailkan pada 22 Mac tahun lepas, Dr Mahathir menegaskan bahawa beliau mengucapkan perkataan-perkataan itu sebagai perdana menteri dengan perlindungan bersyarat.

Katanya perkataan itu disiarkan semasa membincangkan perkara berkaitan dengan kerajaan dan politik yang membabitkan Anwar bersabit dengan kesesuaiannya untuk memegang jawatan yang disandangnya dan selepas siasatan dan penyiasatan dijalankan mengenai perkara itu.

Anwar dalam balasannya berkata pembelaan perlindungan bersyarat tidak terbuka kepada perdana menteri kerana beliau berniat jahat dengan mengucapkan kata-kata penghinaan itu untuk diterbitkan dan diterbitkan semula.

Selain ganti rugi, faedah dan kos, Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada terus mengulangi perkataan-perkataan itu.

Datuk Mohamed Adnan Shuaib mewakili Dr Mahathir.

-- BERNAMA

JA AHH LAT RON